



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KPN GALAKKAN GLC UNTUK MENJADIKAN KRT SEBAGAI KRT ANGKAT MADANI

PUTRAJAYA, 29 Ogos 2025 – Syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) disaran agar menjadikan **Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai KRT Angkat MADANI menyokong pembangunan komuniti di bawah Rukun Tetangga**. Cadangan tersebut dinyatakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ketika menyempurnakan **Majlis Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga 2025 Peringkat Kebangsaan**, hari ini.

Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga diadakan sebagai **pengiktirafan dan penghargaan kepada kejayaan perkhidmatan Rukun Tetangga sepanjang 50 tahun** penubuhannya.

Dalam ucapannya, YB Datuk Aaron Ago Dagang turut mengumumkan bahawa **KPN mencadangkan agar tempoh pelantikan jawatankuasa RT akan dipanjangkan daripada dua (2) kepada tiga (3) tahun bagi setiap penggal**. Walau bagaimanapun, pelantikan tersebut dihadkan kepada maksimum dua (2) penggal berturut-turut di kawasan yang sama iaitu tidak melebihi enam (6) tahun secara keseluruhannya. Cadangan pindaan ini penting agar membolehkan Ahli Jawatankuasa RT (AJKRT) **melaksanakan perancangan serta fungsi mereka sepenuhnya sebagaimana termaktub di bawah Seksyen 8 Akta 751**.

Selain itu, dalam usaha untuk menyediakan latihan bersepadu dan bersasar khususnya kepada pemimpin KRT Progresif, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13), **Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)** akan dinaiktaraf sebagai pusat kecemerlangan dalam memperluas aktiviti penyelidikan serta memperkukuh latihan.

“Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan IKLIN perlu menjadi pemacu kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan dan rakan pembangunan lain seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), SME Corporation Malaysia, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), MARA Corporation Sdn.Bhd, TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Jabatan Pertanian, Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Bioeconomy Corporation, Kraftangan Malaysia dan sebagainya”, jelas YB Datuk Aaron.

Bidang tumpuan Ekonomi dan Sara Hidup telah diberikan perhatian sebagai **teras utama dalam memperkukuh kesejahteraan rakyat serta meningkatkan sosioekonomi dan menjadi kualiti hidup** yang lebih baik bagi seluruh komuniti. Sehingga kini, terdapat sebanyak **504 projek ekonomi komuniti Rukun Tetangga telah dibangunkan** merangkumi pertanian, makanan, kraftangan, pelancongan dan produk bukan makanan.

Majlis turut menyaksikan pelancaran dan logo slogan baharu KRT iaitu **“Memperkasa Komuniti, Memperkukuh Perpaduan”** sebagai usaha memperkuatkan identiti serta peranan Rukun Tetangga dalam menyemai perpaduan nasional di peringkat akar umbi.

Kementerian Perpaduan Negara
29 Ogos 2025
KPN.100-9/1/16 (70)